

Beberapa daerah dipilih model tanaman jagung

KUALA LUMPUR 24 Mac - Beberapa daerah dalam negara ini akan dipilih sebagai daerah model penanaman jagung bijirin untuk makanan ternakan bagi mengurangkan defisit dagangan makanan serta kebergantungan import bahan makanan itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, setakat ini Malaysia mengimport hampir sepenuhnya jagung bijirin dan hal itu membimbangkan sekiranya berlaku kejatuhan harga minyak mentah dunia, ketidaktentuan ekonomi serta monopoli pasaran yang akan meningkatkan kos.

Sehubungan itu, jelasnya, Kementerian sedang merangka dasar dan pelan penanaman jagung tersebut bersama-sama pihak universiti awam.

"Kalau boleh dalam beberapa

tahun akan datang, kebergantungan jagung bijirin itu dapat dikurangkan kepada 50 peratus dan seterusnya dikurangkan ke paras serendah mungkin.

"Kerajaan memerlukan penglibatan semua pihak termasuk kerajaan negeri, pejabat daerah, pesawah dan sebagainya bagi memulakan projek penanaman itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Seminar Kedaulatan Makanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Yang turut hadir pada seminar itu ialah Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Tambah Ahmad Shabery, bagi menjayakan penanaman jagung bijirin, kerajaan memerlukan kawasan seluas 400,000 hektar berbanding 330,000 hektar kawasan yang kini diusahakan sebagai kawasan jelapang padi di negara ini.

Sehubungan itu, katanya, sebanyak 280,000 hektar kawasan tanaman padi yang bukan kawasan jelapang, dikenal pasti sebagai kawasan penanaman jagung bijirin tersebut.

Malah, beliau memberitahu, golongan pesawah yang mengusahakan padi di luar kawasan jelapang itu juga akan diyakinkan bahawa pulangan tuaian penanaman jagung adalah lebih besar berbanding penanaman padi.

"Kita perlukan projek perintis dan melakukan ujian beberapa kali lagi. Pesawah boleh menanam jagung bijirin selepas padi dituai setahun sekali.

"Saya mahu penanaman jagung bijirin ini menjadi fenomena baru dalam sistem pertanian kita. Kita boleh ajar pesawah di luar jelapang ini untuk memulakan tanaman jagung bijirin," ujarnya.